

KPDNHEP kompaun RM30,500 tiga premis jual penutup mulut, hidung lebih harga kawalan

2020-02-07T17:32:59+08:00

oleh Vivi Olviana Najurus



TELITI: Taha meneliti penutup mulut dan hidung semasa menjalankan pemeriksaan khas sekitar sini.

KOTA KINABALU: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Sabah memberikan kompaun sebanyak RM30,500 terhadap tiga premis selepas didapati menjual penutup mulut dan hidung melebihi harga kawalan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa Sabah Taha Julai berkata kegiatan kesemua premis masing-masing dua di sini dan Sandakan dikesan semasa pihaknya melaksanakan pemeriksaan khas di sini.

"Sebanyak 332 premis runcit dan borong diperiksa sejak 29 Januari sehingga 6 Februari dan kita mengesan tiga premis yang mengaut keuntungan dengan menjual penutup mulut dan hidung pada harga lebih tinggi daripada yang ditetapkan.

"Pasukan serbuan juga menyita sejumlah penutup mulut dan hidung bernilai RM3,160 dan memberikan kompaun sebanyak RM30,500 kepada premis terbabit selepas melanggar Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011," katanya.

Beliau berkata pemeriksaan ini dilaksanakan bagi memastikan premis perniagaan terutama farmasi dan kedai runcit tidak mengambil kesempatan menjual penutup mulut dan hidung semasa permintaan tinggi.

